

D435

U B209 AAB  
MAHATHIR - AKHBAR

KUALA LUMPUR, 19 NOV (BERNAMA) -- KEBEBASAN AKHBAR YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI MEMBUKTIKAN KERAJAAN TIDAK BERSIKAP MENGONGKONG, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

BELIAU BERKATA KALAU BENARLAH KERAJAAN MENYEKAT KEBEBASAN AKHBAR, TENTULAH TIDAK ADA LAPORAN YANG NAMPAKNYA MENYAKITKAN HATI BEBERAPA ORANG PERWAKILAN YANG BERCAKAP PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KALI INI.

+SEMEMANGNYA DALAM NEGARA INI ADA KEBEBASAN AKHBAR, DAN INI MEMBUKTIKAN SIKAP TOLERANSI KITA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO SEMASA MENJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DIBANGKITKAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG BERAKHIR DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU PERNAH DITUDUH MENGONGKONG AKHBAR, DAN KONONNYA KERAJAAN MALAYSIA TIDAK MEMBENARKAN KEBEBASAN AKHBAR, TETAPI ITU SEMUA TIDAK BENAR.

+SESETENGAH DARIPADA MEREKA (AKHBAR) INI MEMANG BAIK, MEMANG MAHU MELAPORKAN SESUATU BAGI MENYEDAPKAN HATI DAN MENYENANGKAN KITA TETAPI KADANGKALA ADA JUGA YANG MEMBUAT LAPORAN, YANG KITA TIDAK SENANG HATI,+ KATANYA, DAN MENAMBAH KATA, PERKARA SEPERTI ITU BIASA BERLAKU DALAM SESEBUAH NEGARA YANG MENGAMALKAN DEMOKRASI. -- LAGI  
1945MST 19 11 89

D438

U B211 AAB  
MAHATHIR - AKHBAR 2 KUALA LUMPUR

TETAPI, KATANYA, JANGANLAH ORANG RAMAI +PUKUL BORONG+ SEOLAH-OLAH SEMUA AKHBAR TIDAK BAIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, INI JUGA MEMBUKTIKAN BAHAWA MEREKA (AKHBAR) BEBAS MENEGUR KERAJAAN DAN KERAJAAN JUGA BEBAS MENEGUR MEREKA.

SEBENARNYA, KATA PERDANA MENTERI, BANYAK AKHBAR MEMBERI LAPORAN DAN GAMBAR YANG BAIK-BAIK UNTUK KEPENTINGAN ORANG RAMAI.

+SEGALA-GALA INI ADA DALAM AKHBAR SEBAGAI SATU REKOD YANG KITA AKAN KENANG SAMPAI HARI TUA YANG BOLEH DITUNJUKKAN KEPADA ANAK CUCU KITA, BAGI MENUNJUKKAN BETAPA MENDALAMNYA MINAT KITA DALAM POLITIK UMNO INI,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERKATA AKHBAR MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING, DAN WALAUPUN AKHBAR BOLEH DITEGUR, JANGANLAH ORANG RAMAI MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MARAH TERLAMPAU SANGAT (KEPADA AKHBAR). -- BERNAMA  
1950MST 19 11 89